

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat utama mengenai Akaun Deposit Berjangka-i/Akaun Deposit Berjangka untuk Kanak-Kanak (IFD-i/IFD-i Kids).



MAYBANK ISLAMIC BERHAD

09/12/2025

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga digalakkan untuk membacanya.**

Apakah Akaun Deposit Berjangka-i/Akaun Deposit Berjangka untuk Kanak-Kanak (IFD-i/IFD-i Kids)?

Akaun Deposit Berjangka-i/Akaun Deposit Berjangka untuk Kanak-Kanak (IFD-i/IFD-i Kids) adalah akaun simpanan tetap patuh Syariah berdasarkan Konsep Komoditi Murabahah.

Akaun simpanan tetap merujuk pada produk deposit yang memberi kadar keuntungan tetap bagi satu tempoh yang telah ditetapkan. Komoditi yang terlibat di dalam transaksi Komoditi Murabahah ini mampu untuk diserahkan secara fizikal. Semua kos yang berkaitan dengan penghantaran fizikal komoditi tersebut akan ditanggung oleh pelanggan. **IFD-i dilindungi oleh Perbadanan Insuran Deposit Malaysia (PIDM) setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**

Konsep Syariah yang digunakan:

Konsep Syariah yang digunakan untuk produk ini ialah **Komoditi Murabahah**, di mana suatu aset tertentu yang dianggap sesuai oleh Bank akan dikenal pasti dan digunakan sebagai aset asas untuk transaksi jual beli antara pihak Bank dan Pelanggan. Untuk tujuan transaksi Komoditi Murabahah, Bank hendaklah pada setiap masa menjadi ejen bukan eksklusif anda untuk menjalankan transaksi Komoditi Murabahah yang diperlukan berkaitan dengan peletakan itu.

Fahami Tanggungjawab Anda

1. Apakah yuran dan caj yang dikenakan ke atas akaun saya?

Yuran & Caj	Amaun
Kos setem bagi surat indemniti akan ditanggung oleh pelanggan sekiranya sijil IFD-i/IFD-i Kids hilang atau dicuri	RM15

Sila rujuk kepada www.maybank2u.com.my untuk fi dan caj perbankan lain.

2. Apakah tanggungjawab lain yang perlu saya ambil maklum?

- Sila maklumkan kepada kami dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan pada maklumat perhubungan anda bagi memastikan komunikasi yang tepat pada masanya.
- Pastikan butiran keselamatan anda dirahsiakan dan tidak dikongsi dengan sesiapa.

Ketahui Risiko Anda

1. Terdapat risiko yang berkaitan dengan produk ini sekiranya pengeluaran pramatang dibuat:

- Sekiranya tempoh penempatan ialah tiga (3) bulan ke bawah, pengeluaran awal akan dibenarkan oleh Bank tertakluk kepada persetujuan anda untuk **memberikan Rebat (Ibra') sepenuhnya**, di mana tiada keuntungan akan dibayar.
- Sekiranya tempoh penempatan melebihi tiga (3) bulan, pengeluaran awal akan dibenarkan oleh Bank tertakluk kepada persetujuan anda untuk **memberikan 50% Rebat (Ibra')**, di mana separuh daripada keuntungan akan dibayar.

Untuk Terma dan Syarat Pengeluaran Prematang, sila layari www.maybank2u.com.my.

2. Pengeluaran sebahagian jumlah tidak dibenarkan untuk produk ini.

Terma Utama Lain

1. Anda mestilah memberikan arahan tentang pembaharuan atau pelanjutan Deposit Berjangka pada masa peletakannya atau sebelum tarikh matang. Jika tiada arahan diberikan, Deposit Berjangka akan diperbaharui secara automatik pada tarikh matang.
2. Pengeluaran penuh Deposit Berjangka anda akan dianggap sebagai penutupan akaun.

***NOTA KEPADA HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK**

Produk	Deposit Permulaan
1. IFD-i	• RM5000 bagi penempatan 1 bulan • RM1000 bagi 2 bulan dan ke atas (sehingga 60 bulan)
2. IFD-i Kids	RM500

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Akaun Deposit Berjangka-i/Akaun Deposit Berjangka-i untuk Kanak-Kanak (IFD-i/IFD-i Kids), anda boleh:



Hubungi kami di:
1-300-88-6688/
03-78443696



Kunjungi kami di:
https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/personal/accounts/fixed_deposit_listing.page



Emel kami di:
mgcc@maybank.com.my



Imbas kod QR di
atas